



Parti Keadilan Rakyat  
人民公正党  
மக்கள் நீதி கட்சி

# Harapan Baru GOPENG

sg rapat . simpang pulai . teja

Parti Keadilan Rakyat Gopeng

Laman web: [www.gopeng.wordpress.com](http://www.gopeng.wordpress.com)

Oktober 2008 Edisi

## Pakatan sifatkan penahanan ISA zalim: Segera MANSUHKAN ISA!

Kandungan menarik ...

- Penghijrahan Ahli Parlimen Adalah Proses Demokrasi
- Ahli Parlimen & ADUN Gopeng Berjaya Menuntut Hak Semua Rakyat Tanpa Mengira Bangsa
- Menghayati Ramadhan bersama Rakyat
- 10 sen: Bukti Kegagalan BN Urus Tadbir Ekonomi
- Kebakaran Tmn Ipoh Jaya: Wakil Rakyat Menunjukkan Sifat Prihatin



Bagi tahanan ISA yang telah ditahan tanpa perbicaraan di kamunting, hari raya ini akan menjadi Syawal yang ke lima atau ke enam mereka ditahan di bawah ISA tanpa sebarang hak dan perbicaraan terbuka, tidak dibenar mempertahankan diri dan tidak mengetahui bila akan dibebaskan.

Penggunaan ISA menjadi bertambah kejam apabila keluarga tahanan terpaksa menyambut Ramadhan dan Aidilfitri tanpa suami, ayah atau anak-anak

mereka yang ditahan di bawah akta berkenaan sehingga ada yang mencecah tujuh tahun lamanya.

GMI percaya tidak ada seorang pun tanpa menghiraukan batasan kewarganegaraan, agama, bangsa, politik, ideologi yang menjadi mangsa undang-undang rimba seperti mana yang dilakukan ISA." tegas beliau.

**Syed Ibrahim, Gerakan Mansuhkan ISA**

## Selamat Hari Raya Aidilfitri & Hari Deepavali

Penahanan ISA merupakan tindakan yang zalim dan kejam. Rakyat sepatutnya mendapat keadilan dan hak mereka sejajar dengan konsep demokrasi. Semua penahanan tanpa bicara merupakan suatu penahanan yang tidak sah. Semoga kita dapat menghapuskan kemiskinan dan kesengsaraan hidup.

**Mansuhkan ISA, bebaskan semua tahanan!**



**Dr Lee Boon Chye**  
Ahli Parlimen Gopeng



“Selepas Pilihanraya 8 Mac dan Pilihanraya Kecil Permatang Pauh, rakyat Malaysia telah menzahirkan keberanian dan iltizam mereka untuk membina satu masyarakat yang demokratik. Penahanan ini tidak akan meredakan merudumnya kredibiliti pentadbiran sekarang, malah hanya akan mempercepatkan kejatuhan pentadbiran ini.”

**Dato Seri Anwar Ibrahim**

## PENAHANAN TANPA BICARA

# ANWAR: MEMPERCEPATKAN KEJATUHAN PENTADBIRAN BN

**S**aya mengesahkan penahanan aktivis sosial dan penulis blog terkenal, Raja Petra Kamaruddin, di bawah undang-undang kuku besi ISA. Dengan menggunakan ISA untuk menghalang proses perubahan di Malaysia, kerajaan Barisan Nasional yang diketuai UMNO mengesahkan ianya telah tidak berpijak di atas sokongan rakyat dan sudah tidak mampu memimpin Malaysia dengan adil dan demokratik.



Saya menegaskan Raja Petra mesti dibebaskan segera dan sebarang tuduhan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal dalam Negeri mestilah diselesaikan dengan segera mungkin menurut proses undang-undang. Raja Petra seharusnya dibenarkan untuk berjumpa peguam dan anggota keluarganya mestilah dibenarkan untuk berjumpa beliau sewaktu dalam tahanan.

Penahanan Raja Petra dan surat tunjuk sebab yang dikeluarkan hari ini kepada Sin Chew Daily, The Sun dan Suara Keadilan di samping halangan terdahulu terhadap laman web politik yang terkenal, menunjukkan dengan jelas kesediaan kerajaan untuk melumpuhkan kebebasan bersuara di saat rakyat berani untuk meluahkan rasa tidak puas hati terhadap dasar kerajaan.

Selepas Pilihanraya 8 Mac dan Pilihanraya Kecil Permatang Pauh, rakyat Malaysia telah menzahirkan keberanian dan iltizam mereka untuk mem-



ISA telah digunakan untuk menahan sesiapa yang tidak disukai oleh pihak pemerintah, ia adalah akta yang tidak munasabah!

**Datuk Zaid Ibrahim, Bekas Menteri Undang-undang Jabatan Perdana Menteri**

bina satu masyarakat yang demokratik. Penahanan ini tidak akan meredakan merudumnya kredibiliti pentadbiran sekarang, malah hanya akan mempercepatkan kejatuhan pentadbiran ini. KeAdilan mengulangi bantahan keras terhadap sebarang tindakan menahan individu secara sewenang-wenangnya.



Kami secara konsisten menggesa pembebasan semua tahanan ISA kerana tindakan itu bertentangan dengan prinsip masyarakat demokratik. ISA ternyata digunakan untuk melumpuhkan sebarang kritikan dan digunakan terhadap individu yang mempertahankan hak kebebasan suara mereka yang bertentangan dengan pemerintah.

Menggunakan ISA hanya beberapa hari sebelum 16hb September jelas satu usaha untuk mencipta ketakutan dan ketidakstabilan palsu buat menjustifikasikan taktik kerajaan ke atas mereka yang bersama pembangkang.

**Dato Seri Anwar Ibrahim, Ketua Pembangkang**



Jikalau pihak berkuasa menganggap mereka salah di sisi undang undang, mereka haruslah dibawa ke mahkamah untuk menerima perbicaraan yang adil.

**Tan Hoon Cheng, Pemberita Sin Chew yang ditahan 18 jam bawah ISA**

# Penghijrahan Ahli Parlimen Adalah Proses Demokrasi 916


**M**ajlis Peguam, Harris Ibrahim dan Sean Ang dilaporkan dalam New Straits Times pada 10 September 2008 sebagai berkata Ahli-Ahli Parlimen yang mahu berhijrah ke parti lain adalah sah di sisi undang-undang, tetapi tidak bermoral.

Menjawab perkara ini, adalah perlu untuk menarik perhatian kepada beberapa prinsip-prinsip asas menyentuh persoalan moraliti penghijrahan MP-MP:

1) Penghijrahan ke sebuah parti politik lain sebagai seorang MP bukanlah sesuatu yang baru dalam demokrasi berparlimen. Sekiranya MP terbabit berhijrah bukan atas dasar kepentingan diri, tetapi atas nama kepentingan penduduk yang diwakilinya, maka tindakan beliau itu harus dipuji.

2) Terdapat dua jenis sistem pilihanraya yang utama dalam dunia demokrasi:

Pertama ialah sistem **constitu-ency-based**. Melalui sistem ini,



para pengundi di kawasan setempat atau kerusi melantik seorang calon individu. Calon yang menang undi majoriti di kerusi-kerusi mereka dilantik sebagai Ahli Parlimen. Parti yang mendapat jumlah kerusi terbanyak membentuk kerajaan. Dalam sistem ini, MP-MP berkenaan yang menduduki kerusi, bukan parti. Ini bermaksud, MP boleh berhijrah dan masih mengekalkan kerusinya.

Kedua ialah sistem **proportional representation**. Melalui sistem ini, para pengundi di suatu kawasan yang luas, misalnya, sebuah daerah atau negeri mengundi untuk parti-parti politik. Parti politik yang berkenaan memilih individu yang akan menjadi MP. Setiap parti diperuntukkan jumlah kerusi mengikut jumlah undi yang diterima dalam Pilihanraya Umum. Melalui sistem ini, kerusi tersebut milik parti dan MP yang melompat terpaksa meninggalkan kerusi yang dimenangnya.

Sistem pilihanraya yang digunakan di Malaysia adalah sistem constituency-based. Sistem constituency-based menyediakan wadah untuk individu, bukan sahaja parti politik, untuk menjadi calon pilihanraya ke Dewan Rakyat. Ini

ditonjolkan dengan jelas, apabila calon Bebas yang tidak terikat dengan mana-mana parti politik, dibenarkan bertanding.

Lantaran itu, tiket parti adalah permuafakan calon-calon individu yang menganut dasar atau ideologi yang sama. Pokoknya, para pengundi memilih calon berdasarkan dasar beliau, kemampuan beliau, dan komitmen beliau.

3) Hujah tiket parti juga gagal memberi kesan kepada peruntukan Artikel 43(1) dan 43(4) Perlembagaan Persekutuan. Artikel 43(1) memberi kuasa kepada Yang Di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri yang pada pertimbangan baginda mewakili keyakinan majoriti anggota Dewan Rakyat. Artikel 43(4) memberi kuasa kepada Perdana Menteri untuk membubarkan kabinet beliau sekiranya dia tidak lagi mewakili keyakinan majoriti anggota Dewan Rakyat.

**Bersambung.....**



.....Sambungan



Berdasarkan dua peruntukan ini, secara langsung menjelaskan bahawa sistem dan operasi pilihanraya negara, bahawa para pengundi memberi mandat kepada 222 anggota Parlimen untuk menentukan siapa di kalangan mereka yang layak menjadi Perdana Menteri. Tempoh khidmat 222 MP ini dan kuasa mereka telah ditetapkan. Ia berlanjutan sehingga Pilihanraya Umum seterusnya tiba. Tempoh khidmat Perdana Menteri bagaimanapun tidak ditetapkan dan tidak boleh tidak disanggah. Ia bergantung kepada sejauh mana keyakinan 222 MP kepada Perdana Menteri sepanjang tempoh Parlimen.

Dalam erti kata lain, keyakinan terhadap Perdana Menteri boleh sahaja terhakis dan berubah. Ini bergantung kepada pelbagai faktor termasuk apakah Perdana Menteri tidak berkemampuan, lemah, atau gagal menjalankan tugas-tugas yang diamanahkan rakyat, atau gagal melaksanakan dasar-dasar, atau tidak lagi mewakili keyakinan rakyat, atau terdapatnya perubahan pendapat di kalangan orang-orang awam berkenaan pentadbiran Perdana Menteri.



Kuasa untuk menyingkirkan Perdana Menteri termasuk, serta memerlukan, anggota-anggota Parlimen berhijrah. Pilihan untuk berhijrah ini adalah untuk memastikan hanya Perdana Menteri yang berkemampuan sahaja berkhidmat sehingga pembubaran Parlimen. Demikian itu, adalah menjadi tanggungjawab moral MP berkenaan untuk melompat sekiranya ia dilihat perlu bagi memastikan Perdana Menteri yang lemah tidak mentadbir negara ini. Lantaran itu, hak anggota Parlimen untuk berhijrah ke wadah yang dipercayai, seraya membawa kepada kejatuhan sesebuah kerajaan, adalah jelmaman hasrat rakyat.



4) Penghijrahan membuka ruang kepada demokrasi, dan mendesak kepimpinan negara supaya lebih sensitif kepada hasrat masyarakat semasa Parlimen berlangsung. Sekiranya tidak, pihak Eksekutif akan bertukar kepada rejim autokratik, yang tidak kenal erti takut, kerana sedar bahawa ia tidak perlu bertanggungjawab kepada naluri rakyat sehinggalah PRU tiba - lima tahun kemudian.



**William Leong Jee Keen**  
Ahli Parlimen Selayang,  
Bendahari Agung Parti  
Keadilan Rakyat

## Ahli Parlimen & ADUN Gopeng

### Menuntut Hak Rakyat Tanpa Mengira Kaum

GOPENG: Perjuangan lima buah kampung orang asli telah mendapat kemenangan untuk menuntut hak milik tanah mereka daripada Gopeng Berhad.



Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar dan Sumber Manusia Y.B. Encik Sivanesan berkata bahawa pihak pemaju Gopeng Berhad telah bersetuju menerima tanah gantian seluas 136.72 hektar daripada Kerajaan Perak untuk penanaman kelapa sawit.

Ulu Geroh, Kampung Serkal, Ulu Geruntum dan Kampung Empang Besar.

“Kerajaan telah memberi arahan kepada Jabatan Hutan dan pihak-pihak berkenaan supaya mendapatkan tanah alternatif,” Sivanesan berkata demikian dalam sidang media semalam.

Wakil daripada orang asli, Bah Azmi Ngah Porgi, mengatakan bahawa mereka akhirnya mendapat kemenangan setelah beberapa bulan dalam perjuangan ini.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar, ADUN Teja Chang Lih Kang dan semua yang terlibat dalam perjuangan kami untuk mempertahankan hak kami,” beliau berkata.

Pada bulan Jun yang lepas, Gopeng Berhad telah dilaporkan bahawa aktiviti pembalakan atas kawasan tanah tersebut telah mengancam kehidupan orang asli yang termasuk penduduk di Ulu Kampar,

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Besar, ADUN Teja Chang Lih Kang dan semua yang terlibat dalam perjuangan kami untuk mempertahankan hak kami,” beliau berkata.

### Memperjuangkan Hak Rakyat Tanggungjawab Kita

**A**hli Parlimen Gopeng Dr Lee Boon Chye dan ADUN Teja Chang Lih Kang telah berjaya menuntut pembinaan sebuah surau di Taman Raia Mesra .



ADUN Teja, YB Chang memberitahu penduduk dalam penyerahan sumbangan bahawa kerajaan Perak telah meluluskan pembinaan masjid tersebut. Selain itu, YB Chang juga menyumbangkan sebanyak seribu ringgit sebagai sumbangan kerajaan Negeri Perak Pakatan Rakyat untuk kegunaan pembinaan surau baru.

kerana mendapat bantuan daripada Ahli Parlimen dan ADUN kawasan Gopeng untuk mendirikan sebuah surau di kampung ini” Encik Sawi berkata demikian dalam ucapan beliau.

Pengerusi Yayasan Surau Al-Taqwa , En. Sawi mengucapkan terima kasih atas bantuan yang disumbangkan oleh Ahli Parlimen dan ADUN kawasan Gopeng. Walaupun umat Islam merupakan kaum majoriti di kampung tersebut, tetapi selama 5 tahun kebelakangan ini, mereka terpaksa menyewa kedai yang berdekatan untuk bersembayang.

ADUN Teja, YB Chang Lih Kang menegaskan bahawa Parti Keadilan Rakyat akan terus memperjuangkan hak rakyat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Tambahan pula, Pakatan Rakyat berjaya menunaikan janji pilihanraya dalam masa yang begitu singkat.

“Selama lima tahun ini, kami terpaksa mengutip derma untuk menyewa kedai yang berdekatan bagi tujuan bersembayang. Kami berasa amat bersyukur

“Ini menunjukkan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak ikhlas dalam menyelesaikan masalah rakyat. Kami yakin bahawa kerajaan Pakatan Rakyat akan terus mengutamakan kebajikan dan memperjuangkan hak rakyat ”. kata Ahli Parlimen Kawasan Gopeng, YB Dr Lee Boon Chye.

## Menghayati Ramadhan Bersama Rakyat Hubungan Dua Hala Antara Rakyat dan Pemimpin

**S**empena menyambut kedatangan Aidilfitri, Kerajaan Negeri Perak telah memperuntukkan sumbangan untuk diberikan kepada keluarga fakir miskin dalam setiap DUN.

Adalah diharapkan dengan sumbangan tersebut dapat memberikan sedikit keceriaan buat mereka.



ADUN Teja, YB Chang Lih Kang (kanan) bersama Ketua Kampung telah memziarahi salah sebuah keluarga OKU di Kampung Sg. Ular dengan memberi sumbangan sempena hari Raya Aidilfitri.

ADUN Simpang Pulai, YB Chan Ming Kai (kanan) telah memziarahi seorang warga emas yang tenat di Kampung Sengat.

Ahli Parlimen Kawasan Gopeng, YB Dr Lee Boon Chye bersama isterinya (kanan) berbuka puasa bersama penduduk kampung. Sebelah kiri beliau ialah Naib Ketua Bahagian Gopeng Parti Keadilan Rakyat, Encik Megat Ikmal.



Ketua Angkatan Muda Keadilan Cawangan Kg Pulai, Encik Tarmizi dan YB Chang Lih Kang berinteraksi dengan penduduk kampung.

ADUN Simpang Pulai, YB Chan Ming Kai menjamu selera dengan penduduk kampung di Kampung Tanjung.



# Harga Petrol & Diesel ↓ 10 sen Bukti Kegagalan Pentadbiran BN

**K**etua Penerangan KeADILan, Tian Chua mengemukakan keras keputusannya yang dibuat kerajaan BN apabila harga petrol dan diesel diturunkan hanya 10 sen seliter berkuat kuasa 25 September lalu yang disifatkan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi sebagai meringankan beban rakyat.



Beliau berkata nilai penurunan itu tidak membantu dalam mengurangkan harga

barang dan hanya mengelirukan pasaran tempatan.

Menurutnya, penurunan harga itu disebabkan penggunaan dasar ekonomi BN yang diputuskan tanpa mengambil kira kepentingan rakyat. Beliau juga menyifatkan keputusan itu dibuat tanpa rasional.

“Ini satu dasar yang tidak difikir secara matang dan bijak. Ia hanya mengelirukan pasaran dan dari segi ekonomi keputusan ini adalah tidak kompeten,” katanya kepada Suara Keadilan.

Tian yang juga Ahli Parlimen bahagian Batu berkata, penurunan harga minyak yang diputuskan dalam mesyuarat jemaah Menteri 23 September lalu membuktikan kelemahan BN untuk menguruskan dasar ekonomi negara.

“Kita telah melihat kucar kacir atau kalam kabut dasar ekonomi negara di mana tidak ada satu dasar yang konsisten yang menunjukkan bahawa tiada satu formula menakutkan untuk


menguruskan ekonomi negara,” jelas beliau.

Menurutnya, beban rakyat untuk menampung kos sara hidup yang tinggi juga tidak mengalami susut nilai ekoran peningkatan harga barang selepas kenaikan harga minyak mendadak sebanyak 78 sen Julai lalu.

“Banyak barang yang ada dalam pasaran sekarang sudah dinaikkan harga sebab peningkatan harga minyak sebelum ini. Penurunan minyak kali ini tidak akan membawa kesan serta merta sebab kebanyakan barang sekarang sudah dibayar dengan harga yang mahal. Kebanyakannya datang dengan kos pengangkutan yang lebih tinggi. Takkanlah barang lain juga akan diturunkan serta merta. Jadi ia tak ada kesan kepada pengguna,” katanya.

Beliau turut mempertikaikan bidang kuasa kabinet yang sepatutnya menjaga ekonomi secara keseluruhan dan bukannya menentukan turun naik harga minyak.

“Sekarang kabinet macam badan untuk buat keputusan tentang harga minyak. Setiap minggu mesyuarat. Bulan depan kita tak tahu harga minyak turun atau naik. Ini boleh mengelirukan rakyat dan peniaga khususnya,” katanya.



## Kebakaran Taman Ipoh Jaya: Wakil Rakyat Menunjukkan Sifat Prihatin



**( Taman Ipoh Jaya, 29 Sept )**

Satu kebakaran telah berlaku di Taman Ipoh Jaya, punca kebakaran masih dalam siasatan pihak bomba.

Kebakaran tersebut berlaku di Selasar Rokam 10, Taman Ipoh Jaya pada kira-kira pukul 2 pagi. Mangsa kebakaran ini terdiri daripada empat buah keluarga, iaitu dua buah keluarga Cina dan dua buah keluarga Melayu.

Api menjilat dengan begitu pantas, sehingga 4 buah keluarga yang tinggal di situ tidak sempat langsung menyelamatkan harta-benda mereka. Justeru itu, mereka mengalami kerugian yang amat besar.



2 buah keluarga umat Islam terpaksa menyambut Hari Raya Aidilfitri dalam keadaan yang sungguh menyedihkan. Puan Norlia (45 tahun), merupakan salah seorang mangsa yang keluarganya terdiri daripada 10 anggota. Mereka telah tinggal di situ selama 24 tahun. Suaminya (51 tahun) yang meru-

pakan pesakit diabetes melecur akibat kesukaran pergerakan beliau semasa menyelamatkan diri. Menurutnya, jumlah kerugian dianggarkan kira-kira RM40,000.



Dengan bantuan ADUN Simpang Pulai, YB Chan, mereka menginap di Surau Ipoh Jaya buat sementara waktu.

Seorang lagi mangsa, Puan Zainun (49 tahun) mempunyai 7 orang anggota keluarga. Walaupun bahagian depan rumah beliau tidak mengalami kerosakan yang teruk tetapi dapurnya musnah dalam kebakaran ini. Menurutnya, mereka menyewa rumah sementara untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri, akan tetapi sewa bulanan yang agak tinggi membebankan mereka.

Menteri Besar Perak, Y.A.B Dato' Seri Ir. Haji Mohammad Nizar bin Jamaluddin dan YB Chan Ming Kai, ADUN Simpang Pulai turun padang untuk meninjau tempat ke-

jadian dan memberikan sumbangan kepada mangsa kebakaran. Turut hadir, Ketua Wanita KeADILan Perak, Puan Fathmawaty Salim, Naib Ketua KeADILan Bahagian Gopeng, Sdr Megat Ikmal, kedua-dua setiausaha politik kepada YB Dr. Lee Boon Chye, Ahli Parlimen Gopeng, Saudara Simon Ooi dan Saudara Tan Kar Hing dan Pegawai Khas Adun Simpang Pulai Sdr Azlina Adnan.

Menteri Besar memberikan sumbangan kecemasan kepada setiap keluarga mangsa. Menurut YB Chan, beliau dalam usaha mempercepatkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk mereka kembali ke halaman rumah.

Ahli Parlimen Gopeng, YB Dr. Lee Boon Chye turut bersimpati dengan keluarga yang dilanda musibah ini. Beliau berharap agar keluarga mangsa ini dapat bersabar dan tabah dalam menghadapi cabaran ini.

